

08/07/2001

Kerana serba ada, orang Melayu cepat lupa

DR MAHATHIR kata, orang Melayu cepat lupa. Tak cukup dengan bersyarah, dia berpuisi pula. Dia kata, dia tak tahu siapa yang tulis sajak itu tapi ramai orang kata, puisi dialah itu.

Dr Mahathir kata, orang Melayu cepat lupa. Orang Melayu lupa sejarah, lupa hakikat dan lupa fakta. Jadi dia pun merayu orang Melayu janganlah macam itu selalu.

Kalau orang Melayu cepat lupa akhirnya mereka juga yang merana. Betullah takkan Melayu hilang di dunia. Tapi Melayu yang macam mana?

Kita belajar dalam agama, tok guru dan tok imam selalu kata jangan cepat lupa. Jangan cepat bongkak. Jangan cepat sombong. Kena banyak berterima kasih dan bersyukur.

Tapi Kiau bimbang, kerana hidup sudah senang, orang Melayu bukan saja cepat lupa tapi sudah jadi alpa. Orang Melayu lalai. Orang Melayu cuai.

Dulu kita ingat semua. Kita tak mudah lupa. Kita ingat tok nenek kita. Kita ingat rumah robek kita. Kita ingat sawah sekangkang kera.

Sebab dulu kita tidak duduk di rumah batu. Kita tidak berasa hawa dingin Dewan Tunku. Tak ada Wira dan Perdana. Ada Honda Cub pun dah bertuah. Tanah kita sekangkang kera sebab belum ada Felra dan Felcra. Sekolah kita tiang kayu, dinding buluh, atap nipah hasil derma, wakaf dan sedekah.

Pada musim bah kita tidak pergi sekolah sebab jalan dan sekolah tenggelam dek air. Ibu bapa kita pun orang susah. Lebih baik tangkap ikan, bela kerbau dan lembu daripada cari ilmu.

Apabila musim ribut, bumbung dan dinding tercabut, kita belajar di bawah pokok getah, atas rumput. Kita tidak marah, kita tidak minta derma dan sedekah. Apatah lagi merayu kepada kerajaan minta sekolah.

Kerana susah, orang Melayu jadi tabah. Kerana serba tak berada, orang Melayu tidak cepat lupa.

Tapi sekarang buat apa hendak ingat? Semua sudah ada. Yang kita tidak mahu pun kerajaan beri juga sebab hendak jadi popular, hendak menang pilihan raya.

Tidak cukup sekolah, diberi biasiswa. Yang tidak cerdik sangat dapat pinjaman Mara. Kalau mengaji pandai, pinjaman diubah jadi biasiswa. Jadi tidak hairanlah Melayu cepat lupa.

Lupa punya lupa, hendak bayar pinjaman Mara pun leka. Nak kena saman baru terkapa-kapa. Biasiswa kerajaan lebih lagilah. Hendak ucap terima kasih jauh sekali, kononnya "itu hak aku."

Apabila Melayu sudah tidak berterima kasih, tidak bersyukur, macam manalah Melayu tidak cepat lupa.

Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya terbakar. Bara belum padam, asap belum habis, derma dan janji sudah dibuat. Jadi buat apa orang Melayu hendak ingat?

Dewan Tunku Canselor terbakar. Menteri kata, dewan baru akan dibina, lebih hebat, lebih besar. Jadi buat apa orang Melayu hendak sedih dan gusar? Terbakar satu universiti pun tidak mengapa, esok lusa kerajaan yang mereka tidak suka akan bina semula.

Jadi buat apa orang Melayu selalu ingat dan tidak alpa? Buat apa peningkan kepala bikin congak dan kira-kira? Apa yang kerajaan bagi telan saja. Balik kampung caci pemimpin, caci anak bangsa, kononnya kroni, kononnya nepotisme. Yang dia dapat biasiswa dan anak subsidi dia tak peduli.

Kiau kata tak guna kita meratap dan hiba kononnya orang Melayu cepat

lupa. Kalau belum apa-apa kita sudah beri derma dan janji dewan raksasa. Hangpalah yang salah bukan depa.

Biarlah mereka susah sikit. Buat konvokesyen di PWTC atau di dewan-dewan sewa. Tidak ada salahnya. Biar Dewan Tunku Canselor tinggal jadi rangka, moga-moga orang Melayu dan orang yang kononnya bijaksana tidak cepat lupa.

Kalau tidak mampu sewa dewan, buat atas padang atau bawah pokok. Di negeri orang putih yang kaya-raya itu pun, konvokesyen kerap diadakan di padang dan di bawah pokok.

Kalau hendak bakar harta awam atau tidak jaga harta awam, janganlah harap pembayar cukai tanggung segala-galanya. Kalau hendak derma dan bantu, biarlah perkara yang perlu. Banyak lagi orang miskin di pekan dan di hulu.

Yang dapat biasiswa dan pinjaman Mara sudah cukup dibantu. Biarlah mereka susah sikit, barulah mereka tahu. Kalau segala-galanya tersedia, sampai mati pun orang Melayu cepat lupa. Orang Melayu jadi lalai, di negara sendiri mereka lemah dan longlai.

Kiau? Tidak apalah kalau hendak anggap Kiau kaki kacau. Kiau pun tidak mengaku diri pandai, tidak mengaji di universiti pun. Tapi Kiau sudah berasa sedih dan duka bergantung hidup kepada tanah sekangkang kera, rumah robek beratap rumbia. Mandi di telaga dan menderita kudis buta.

Sebab itu Kiau susah hendak lupa. Kiau terima kasih kepada kerajaan dan sesiapa juga yang bantu Kiau sampai jadi manusia. Lebih-lebih lagilah ibu dan bapa dan kerajaan asing (New Zealand) yang bagi biasiswa supaya Kiau dapat sekeping sijil dan kerja untuk tolong diri, negara dan bangsa.

Kiau bukan cendekiawan, bukan juga penunjuk perasaan. Kiau orang Melayu yang tidak cepat lupa. Rakyat Malaysia yang cintakan negaranya.

Kiau tidak bakar kelambu sebab marahkan nyamuk. Tidak jual negara kepada orang asing sebab bencikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kiau tidak lupa sebab pernah hidup susah dan menderita. Kiau bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada kerajaan yang banyak menghulur bantuan. Kiau tidak susah dan tidak menderita lagi. Begitu jugalah dengan jutaan orang Melayu yang sudah senang-lenang dan kaya-raya sebab hak istimewa, subsidi dan biasiswa.

Jadi wahai bangsaku, orang Melayu, janganlah kamu cepat lupa sebab orang yang lupa itu akhirnya menderita.

(END)